

Artis wanita bawa dadah

7 Mei 2018

Hasbi Sidek dan
Nurul Hidayah Bahaudin
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Seorang pelakon wanita popular ditahan polis selepas didapati memiliki enam bungkusan aluminium berisi 53 pil Erimin 5 di dalam beg tangan miliknya, semalam.

Sumber berkata, dadah itu ditemui selepas pelakon jelita berusia 26 tahun itu dibawa ke Balai Polis Taman Tun Dr Ismail (TTDI) di sini, selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya di Jalan Burhanuddin Helmi jam 11.45 pagi, semalam.

“Pelakon yang juga kakak dua pelakon wanita yang kerap membintangi drama didakwa memandu pacuan empat roda model Range Rover sebelum melanggar kenderaan pelbagai guna (MPV) Honda BRV di kawasan itu.

“Anggota polis Unit Peronda MPV Balai Polis TTDI kemudian segera ke lokasi kejadian sebelum menemui seorang lelaki tempatan yang menjadi mangsa langgar itu,” katanya.

Menurutnya, pelakon wanita yang masih bujang itu didapati dalam keadaan khayal sebelum dia dibawa ke balai polis itu untuk pemeriksaan.

Katanya, anggota polis wanita membuat pemeriksaan pada tubuh dan beg tangan milik pelakon terbabit sebelum menemui enam bungkusan aluminium berisi 53 pil dadah Erimin 5 dianggarkan seberat lebih 14 gram dalam

Artis wanita bawa dadah

■ Ditahan apabila ditemui khayal selepas terbabit dalam kemalangan



MAZLAN

“Ujian saringan awal air kencing terhadap pelakon wanita itu didapati negatif dadah”

Sumber

beg tangan miliknya.

“Semua dadah itu dianggarkan lebih RM600 mengikut harga pasaran.

“Ujian saringan awal air kencing terhadap pelakon wanita itu didapati negatif dadah. Dia kini ditahan di balai polis untuk siasatan,” katanya.

APA ITU ERIMIN 5?

- Erimin 5 dikenali sebagai Happy, Five atau Happy Five.
- Ia sejenis pil berbentuk bulat, berwarna pastel oren-merah jambu dan kelihatan seperti lozenge yang diambil untuk sakit tekak.
- Erimin 5 ialah Nimetazepam sejenis dadah dalam kelas benzodiazepine yang mengakibatkan kesan hipnotik dan sedatif.
- Nimetazepam adalah ubatan berdaftar yang digunakan secara klinikal untuk rawatan pesakit yang mempunyai masalah tidur (insomnia) yang didaftarkan dengan nama komersial Erimin.
- Ia juga digunakan dalam rawatan epilepsy (sawan) apabila rawatan ubatan lain menemui kegagalan.
- Sering dijual dalam pasaran gelap untuk kegunaan rekreasi dan diambil dengan alkohol atau diambil bersama dadah lain seperti Ecstasy dan methamphetamine.
- Erimin mampu memberikan kesan ketagihan, kesukaran mengawal fungsi tubuh, bercakap dan kesukaran mengingat (pelupa).

Antara drama yang pernah dibintangi artis terbabit adalah Hero Seorang Cinderella, Tundukkan Playboy Itu dan Paku Puntianak.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim yang dihubungi mengesahkan tangkapan artis wanita terbabit dan suspek ditahan bagi membantu siasatan mengi-

kut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Bagaimanapun, artis wanita itu dibebaskan dengan jaminan polis selepas siasatan lengkap dilakukan, malam tadi.